

 Suruhanjaya Tenaga	PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 2/2011 KELULUSAN UNTUK MENGILANG DAN MENGIMPORT <i>FLOURESCENT BALLAST</i>	No. Rujukan: ST/IP/PK/JKKE/ Pk 02/2011
---	---	--

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua pengilang, pengimport, pempamer, penjual dan pengiklan serta semua pihak yang berkaitan mengenai standard minimum kecekapan tenaga bagi pengilangan, pengimportan dan penjualan dan pengiklanan atau pempamer *ballast for tubular fluorescent lamp (fluorescent ballast)* dalam kategori kelengkapan yang memerlukan Perakuan Kelulusan untuk mengilang, mengimport, pempamer, menjual dan mengiklan kelengkapan elektrik selaras dengan kehendak peraturan 97(1), Peraturan-peraturan Elektrik 1994. Semua pengilang dan pengimport hendaklah mematuhi standard minimum kecekapan tenaga seperti yang ditetapkan sebelum kelulusan boleh diberi untuk mengilang atau mengimport kelengkapan tersebut.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling berkaitan *fluorescent ballast* telah dikeluarkan oleh Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas pada tahun 1998 dengan No. Bil. KPBE 1/1998. Pekeliling tersebut dikeluarkan bertujuan untuk mempertingkatkan penggunaan tenaga dengan cekap, menjimatkan sumber tenaga, meningkatkan daya saing barangan dan juga untuk pemeliharaan alam sekitar.

3. Pekeliling tersebut telah menyatakan bahawa susutan watt (*watt loss*) bagi *fluorescent ballast* berkadaran 18/20W dan 36/40W adalah ditetapkan dari 6W hingga 10W dan ia telah mula berkuatkuasa secara berperingkat dari 1 Januari 1999 hingga 1 Januari 2001. Mengikut pekeling tersebut, bermula dari 1 Januari 2001, *watt loss* bagi *fluorescent ballast* berkadaran 18/20W dan 36/40W ditetapkan tidak melebihi 6W.

 Suruhanjaya Tenaga	PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 2/2011 KELULUSAN UNTUK MENGILANG DAN MENGIMPORT <i>FLOURESCENT BALLAST</i>	No. Rujukan: ST/IP/PK/JKKE/ Pk 02/2011
---	--	---

Bagaimana pun, pekeling tersebut hanya menetapkan *watt loss* untuk *fluorescent ballast* 18/20W dan 36/40W sahaja. Sehubungan itu, tujuan pekeling ini ialah untuk meluaskan skop penetapan bahawa *watt loss* tidak melebihi 6W merangkumi semua *ballast for tubular fluorescent lamp*.

PERLAKSANAAN

4. Suruhanjaya Tenaga telah menetapkan bahawa *ballast for tubular fluorescent lamp* adalah salah satu daripada kelengkapan elektrik yang dikawal selia di mana pengilangan dan pengimportan kelengkapan tersebut perlu mendapat kelulusan Suruhanjaya Tenaga di bawah peraturan 97(1), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.
5. Suruhanjaya Tenaga dengan ini menetapkan bahawa mulai 1 Julai 2012, semua *ballast for tubular fluorescent lamp* hendaklah memenuhi syarat *watt loss* tidak melebihi 6W bagi mendapatkan kelulusan untuk mengilang atau mengimport daripada Suruhanjaya Tenaga. Kaedah penentuan *watt loss* tersebut adalah selaras dengan Standard Malaysia MS IEC 61347-1:2003, MS IEC 61347-2-8:2003 dan MS 141 1993: Part 1 & Part 2.
6. Oleh yang demikian, mulai 1 Julai 2012 juga, pengilangan, pengimportan, pempameran, penjualan dan pengiklanan *ballast for tubular fluorescent lamp* yang mempunyai *watt loss* melebihi 6W hendaklah dihentikan.

 Suruhanjaya Tenaga	PEKELILING SURUHANJAYA TENAGA BIL. 2/2011 KELULUSAN UNTUK MENGILANG DAN MENGIMPORT <i>FLOURESCENT BALLAST</i>	No. Rujukan: ST/IP/PK/JKKE/ Pk 02/2011
---	---	--

TARIKH KUATKUASA

7. Pekeliling ini akan mula berkuatkuasa mulai **01 Julai 2012**. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Bil. KPBE 1/1998 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.



(Ir. AHMAD FAUZI BIN HASAN)

Ketua Pegawai Eksekutif
b.p. Suruhanjaya Tenaga

Tarikh: 5 Julai 2011.

s.k. Semua Ketua Jabatan
Semua Ketua Kawasan